

# PENEROKAAN AMALAN PEMERKASAAN ROHANI DALAM *MAJMŪ' SHARĪF*: PENELITIAN KRITIKAL KE ATAS DOA *KANZ AL-'ARSH* DAN DOA *HAIKAL*

## *EXPLORING SPIRITUAL EMPOWERMENT PRACTICES IN MAJMŪ' SHARĪF: A CRITICAL STUDY OF THE KANZ AL-'ARSH PRAYER AND THE HAIKAL PRAYER*

Mohd Zohdi Mohd Amin<sup>1\*</sup>  
Najib 'Afif Arip<sup>2</sup>  
Ahmad Mutawalli Mustaffha<sup>3</sup>  
Mohd. Sobri Ellias<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: zohdi@usim.edu.my)

\* (Corresponding author).

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: najibarip@gmail.com)

<sup>3</sup> Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia,  
(E-mail: a.mutawallimustaffha@gmail.com)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: sobri.ellias@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 5-10-2023  
**Revised date** : 6-10-2023  
**Accepted date** : 26-11-2023  
**Published date** : 21-12-2023

### To cite this document:

Mohd Amin, M. Z., Arip, N. A., Mustaffha, A. M.,  
& Ellias, M. S. (2023). Penerokaan amalannya  
pemeriksaan rohani dalam Majmū' Sharīf:  
Penelitian kritikal ke atas doa Kanz Al-'Arsh dan doa  
Haikal. *Journal of Islamic, Social, Economics and  
Development (JISED)*, 8 (59), 190 – 204.

---

**Abstrak:** Kesejahteraan rohani memegang kedudukan penting dalam doktrin Islam, menekankan kepentingan amalannya keagamaan yang berkala dalam meningkatkan dimensi rohani individu dalam komuniti Muslim. Majmū' Sharīf telah muncul sebagai teks spiritual yang popular di kalangan segmen besar populasi Muslim di Kepulauan Melayu, dengan tujuan khusus untuk memperkuatkan kesejahteraan rohani mereka. Namun, teks ini tidak terlepas dari kritikan, terutamanya berkaitan dengan isinya. Oleh itu, para sarjana telah menjalankan penyiasatan ke atas bahagian tertentu teks ini, iaitu Doa Kanz al-'Arsh dan Doa Haikal. Artikel ini juga menyelami asal-usul sejarah Majmū' Sharīf dan kaitannya dengan amalannya rohani. Penyelidikan ini mengikuti metodologi kualitatif dengan menggunakan analisis teks dan pengesahan hadis. Kajian ini mendedahkan bahawa, walaupun Majmū' Sharīf mengandungi permohonan doa dan zikir yang bertujuan memperkuatkan kesejahteraan rohani, terdapat kebimbangan berhubung dengan beberapa frasa dalam Doa Kanz al-'Arsh. Mengenai Doa Haikal, walaupun bacaannya tidak menimbulkan masalah, tuntutan yang berlebihan dalam teks tersebut tidak sejajar dengan prinsip-prinsip Syariah. Oleh itu, penyiasatan lanjut adalah penting untuk memastikan amalannya spiritual masyarakat Muslim selaras dengan prinsip Syariah yang telah ditetapkan..

**Kata Kunci:** *Majmū' Sharīf, Spiritual, Kerohanian, Kanz Al-'Arsy, Doa Haikal*

**Abstract:** *Spiritual well-being holds a significant place in Islamic doctrine, emphasizing the importance of regular religious practices for enhancing the spiritual dimension of individuals within the Muslim community. Majmū' Sharīf has emerged as a popular spiritual text among a substantial segment of the Malay Archipelago's Muslim population, specifically targeting the reinforcement of their spiritual well-being. Nevertheless, this text has not been without its share of criticism, primarily concerning its content. Consequently, scholars have undertaken an investigation into specific sections of the text, namely the Kanz al-'Arsh Prayer and the Haikal Prayer. This article also delves into the historical origins of Majmū' Sharīf and its correlation with spiritual practices. The research follows a qualitative methodology, employing textual analysis and the verification of hadiths. The study brings to light that, although Majmū' Sharīf contains supplications and prayers aimed at fortifying spiritual well-being, certain phrases within the Kanz al-'Arsh Prayer have raised concerns. Regarding the Haikal Prayer, while its recitation is unproblematic, the extravagant claims made within the text do not align with the principles of Shariah. Consequently, further investigation is warranted to ensure that the spiritual practices of the Muslim community conform to established Shariah principles.*

**Keywords:** *Majmū' Sharīf, Spirituality, Spiritual Practices, Kanz Al-'Arsh, Haikal Prayer*

## Pendahuluan

Seseorang yang sihat bukan sahaja mereka yang tidak menghadapi penyakit atau lemah pada anggota fizikalnya, bahkan perlulah juga sihat dalam aspek mental dan sosialnya. Ia sejajar dengan takrifan WHO berhubung definisi kesihatan. seseorang individu dianggap sihat apabila “keadaan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial yang lengkap dan bukan semata-mata ketiadaan penyakit atau kelemahan” (Constitution of the World Health Organization, 2005). Kesejahteraan sosial berkait rapat dengan keadaan minda seseorang. Maka tidak hairanlah Islam menitikberatkan persoalan minda dalam pembentukan jasmani yang sejahtera sebagaimana yang dijelaskan oleh hadith berikut:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh manusia ada segumpal daging, jika segumpal daging itu baik maka akan baik seluruh tubuhnya, dan jika segumpal daging itu buruk maka akan buruk seluruh tubuhnya, ketahuilah bahwa segumpal daging itu adalah hati manusia.” (al-Bukhārī, 2002 #52)

Hadis ini dengan jelas menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai hati nurani yang baik maka ia akan memberi impak kebaikan pada seluruh tubuhnya yang meliputi kesejahteraan jasmani dan mindanya (Zainal Abidin, et al. 2022). Individu seperti ini secara tidak langsung akan turut disenangi oleh individu dan masyarakat di sekelilingnya. Bahkan dari satu sudut, keharmonian dan kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat dapat diwujudkan.

Kejadian manusia terdiri daripada dua unsur utama, iaitu jasmani dan spiritual (Qurrotul Aien, 2012). Kedua-dua unsur ini saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain dalam mempengaruhi kesejahteraan hidup seorang manusia. Unsur jasmani terdiri daripada anggota badan yang zahir yang boleh dilihat oleh mata kasar. Manakala unsur spiritual pula mempunyai ciri yang bertentangan dengan unsur jasmani yang ia bersifat abstrak dan tidak dapat dilihat

oleh mata kasar bahkan merupakan sebahagian daripada komponen spiritual. Unsur spiritual ini terdiri daripada beberapa elemen, iaitu hati, roh, akal dan jiwa (al-Ghazāliy, 1994). Islam sangat menitik beratkan perihal keempat-empat elemen ini lantaran pengaruhnya yang begitu besar terhadap tingkah laku dan cara berfikir seseorang manusia (Arip, N. 'Afif ., & Mohd Amin, M. Z. 2022). Meskipun setiap satunya mempunyai ciri yang lebih khusus namun dalam bentuk umum, keempat-empat elemen ini dapat dirangkumkan secara umum sebagai minda.

### Faktor Pengukuhan Aspek Spiritual

Kesejahteraan rohani adalah keadaan rohani yang bebas daripada unsur negatif yang dapat menjejaskan fungsi 4 elemen yang terdapat di dalam tubuh manusia, iaitu roh, hati, jiwa dan akal (Emi Syviana, 2019). Rohani yang bermasalah atau berpenyakit akan menggugat kesejahteraan hidup seseorang bahkan turut menyumbang kepada penyakit jasmani (Norhafizah & Che Zarrina, 2019). Justeru rohani perlu dijaga dan dipelihara agar tidak lemah sehingga mudah dipengaruhi unsur negatif yang berpunca dari faktor dalaman mahu pun luaran.

Demi memastikan spiritual insan tidak lemah, elemen pengukuhan spiritual perlu diterapkan sebagai amalan dalam kehidupan seharian (Amri, S. et al. 2019). Lazimnya pengukuhan spiritual yang dianjurkan oleh Islam adalah dalam kerangka ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah. Ibadah merupakan tanggungjawab utama dalam kehidupan seorang manusia bahkan disifatkan sebagai objektif utama manusia dicipta. Allāh berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: *Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan [hikmahnya] untuk aku perintahkan mereka agar beribadah kepadaku (Surah al-Ṭhūr: 56).*

Secara umumnya, ibadah boleh terhasil melalui keyakinan, perkataan dan perbuatan. Namun dalam ruang yang terbatas ini, penulis tidak akan menghuraikan berkaitan ketiga-tiga perkara ini sebaliknya hanya akan memfokuskan kepada huraian amal ibadah yang dilaksanakan menerusi ucapan atau bacaan kerana ia berkait rapat secara langsung dengan kertas kerja ini yang terfokus kepada isi kandungan Majmu' Syarif sebagai subjek kajian. Seterusnya, mengingati Allah adalah di antara amal ibadah yang dapat memberi kesan positif kepada aspek spiritual manusia. Ia dapat dibahagikan kepada empat bentuk utama, iaitu:

### Bacaan al-Quran

Al-Quran merupakan Kalam Allah yang diturunkan kepada Baginda Nabi melalui perantaraan Malaikat Jibril dan membacanya adalah suatu ibadah (Muhammad 'Aliy, 2000). Ini difahami berdasarkan sabda Baginda Nabi:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْأَنْزُرَةِ؛ رِيحُهَا طَيِّبٌ، وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ التَّمْرَةِ؛ لَا رِيحَ لَهَا، وَطَعْمُهَا حَلْوٌ، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مِثْلَ الرَّيْحَانَةِ؛ رِيحُهَا طَيِّبٌ، وَطَعْمُهَا مر، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ؛ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ، وَطَعْمُهَا مرٌ

Maksudnya: *“Perumpamaan orang mukmin yang suka membaca al-Qur’an seperti buah utrujjah. Baunya harum dan rasanya lazat. Dan perumpamaan orang mukmin yang tidak suka membaca al-Qur’an seperti buah kurma, baunya tidak ada dan rasanya manis. Dan perumpamaan orang munafik yang suka membaca al-Qur’an seperti al-raihanah, baunya harum namun rasanya pahit. Dan perumpamaan*

*orang munafik yang tidak suka membaca al-Qur'an seperti buah hanzholah, tidak memiliki bau dan rasanya pahit.” (al-Bukhārīy, 2002 # 5427)*

Justeru, difahami daripada hadis ini bahawa individu yang membaca al-Quran memiliki satu keistimewaan dan keindahan pada dirinya. Keindahan inilah yang melambangkan ciri spiritualnya, yang kemudiannya mencerminkan keperibadiannya yang unggul. Bahkan orang munafik yang membaca Quran turut menerima kesannya walaupun pada had yang minimum.

### **Zikir**

Berzikir juga merupakan suatu ibadah yang bermotifkan mengingati Allah S.W.T sama ada melalui lisan ataupun melalui hati sanubari. Zikir menerusi lidah meliputi istighfar, berdoa, berselawat ke atas Rasulullah, tasbih, tahmid, takbir, tahlil dan seumpamanya. Memperbanyakkan menyebut dan mengingati Allah dapat menjaga kesejahteraan spiritual serta menguatkannya. Hal ini diketahui melalui firman Allah di dalam Surah al-Ra'd:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia”.  
(Surah al-Ra'd: 28)

Ayat ini menjelaskan bahawa hati manusia akan menjadi tenang dengan mengingati Allah. Ketenangan hati merupakan cerminan kepada hati yang kuat dan sejahtera. Manakala hilang ketenangan di hati merupakan salah satu simptom yang timbul akibat penyakit spiritual. Tatkala hilang ketenangan dari hati, maka manusia terdedah dengan serangan kebimbangan dan kegelisahan yang boleh menyumbang kepada penyakit psikologi seperti kemurungan. Penyakit psikologi ini akhirnya boleh menyumbang kepada penyakit fizikal. Senario di atas merupakan salah satu contoh perkaitan antara spiritual dan jasmani dari sudut pengaruhnya terhadap kesejahteraan hidup manusia.

### **Doa**

Doa adalah permohonan atau permintaan dari seseorang hamba kepada Tuhan dengan menggunakan lafaz yang tertentu dan dengan memenuhi ketentuan yang ditetapkan, atau meminta sesuatu sesuai dengan hajatnya atau memohon perlindungan kepada Allah. Doa yang dimaksudkan di sini adalah suatu aktiviti yang terkandung di dalamnya permohonan tulus seseorang hamba kepada Allah. Berdoa kepada Allah adalah suatu perkara yang diperintahkan oleh Allah. Bahkan, terdapat jaminan bahawa doa yang dipinta tersebut akan diperkenankan oleh Allah dan berkemungkinan akan dikurniakan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang dipinta oleh yang berdoa, sebagaimana yang dapat difahami daripada firman Allah:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.” (Surah Ghāfir: 60)

Melakukan doa merupakan suatu ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah sebagaimana jelas dinyatakan di dalam hadis sahih bahawa “berdoa adalah suatu ibadah”. Justeru, ia tidak akan diterima melainkan jika ia dilakukan berlandaskan kaedah yang baik dan penuh merendah diri,

bahkan seseorang yang berdoa perlu berada dalam sebaik-baik keadaan ketika berdoa. Ia meliputi penjagaan aspek pegangan, sumber makanan dan pakaian yang dipakai ketika berdoa. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Baginda Nabi melalui sabdanya:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ (يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ) وَقَالَ (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ). ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لِذَلِكَ

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah maha suci daripada kekurangan (baik). Dia tidak akan menerima sesuatu amalan melainkan jika ia dilakukan ikhlas kerana Allah. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang mukmin dengan apa yang diperintahkan-Nya kepada para Rasul. Firman Allah (yang mafhumnya): “Wahai para Rasul! Makanlah makanan yang baik-baik (halal) dan kerjakanlah amal salih. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”. Dan Allah juga berfirman (yang mafhumnya): “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah rezeki yang baik-baik yang telah kami rezekikan kepadamu”. Kemudian Nabi ﷺ menyebutkan tentang seorang lelaki yang telah lama berjalan kerana jauh jarak yang ditempuhnya. Sehingga rambutnya menjadi kusut-masai dan berdebu. Orang itu mengangkat tangannya ke arah langit sambil berdoa, “Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku”. Padahal, makanannya daripada makanan yang haram, minumannya daripada minuman yang haram, pakaiannya daripada pakaian yang haram dan diberi makan dengan makanan yang haram, maka bagaimanakah Allah akan mengabulkan doanya?”.* (Muslim, 1955 #1015)

Berdasarkan kepada hadis ini, keberkesanan ibadat doa dalam pengukuhan spiritual mestilah memenuhi dua syarat, iaitu: (i) meninggalkan perkara maksiat, kerana perkara maksiat memudaratkan hati dan jiwa sekaligus memberi kesan yang buruk terhadap fizikal tubuh badan. Kemudatan yang terbesar ialah menjadikan hati dan jiwanya terhalang daripada menerima hidayah Allah. (ii) hadir jiwa atau wujudnya penghayatan dalam ibadat doa yang dipanjatkan. Amal ibadat yang dilakukan dengan penuh tadabbur dan khusyuk berupaya memberi kesan yang sangat efektif terhadap pembangunan spiritual.

Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa amalan berdoa dapat menjadikan seseorang individu itu menjadi lebih baik dari sudut tindakan dan juga perlakuannya. Ini seterusnya akan menjadikan seseorang itu sentiasa konsisten terdorong untuk mengungkapkan ucapan-ucapan yang baik dan melakukan perbuatan-perbuatan yang terpuji selari dengan dorongan dan tuntutan agama.

### **Ruqyah Syar’iyyah**

Ruqyah Syar’iyyah adalah merujuk kepada cara melindungi atau memohon perlindungan ke atas pesakit dengan membaca ayat al-Quran, nama dan sifat Allah ﷻ yang tertentu berserta doa yang disyariatkan dengan menggunakan bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maknanya. Perlaksanaan ruqyah adalah sebahagian daripada Sunnah baginda Nabi. Justeru, mengamalkannya termasuk dalam kategori ibadah. Terdapat banyak hadis yang menunjukkan bahawa amalan ruqyah adalah disyariatkan, antaranya hadis Abi Sa’id al-Khudri yang menyatakan bahawa:

أَنَّ جِبْرِيْلَ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ اشْتَكَيْتَ؟ فَقَالَ: «نَعَمْ» قَالَ: «بِاسْمِ اللهِ أَرْفِيكَ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مَنْ شَرَّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللهُ يَشْفِيكَ بِاسْمِ اللهِ أَرْفِيكَ»

Maksudnya: “Jibril datang kepada Nabi ﷺ dan berkata, “Wahai Muhammad, adakah kamu berasa sakit?” baginda menjawab, “Ya”, Jibril lalu membaca, “bismillahi arqiika min kulli syai`in yu`dhiika min syarri kulli nafsin aw `ainin aw hasidin allaahu yasyfiika bismillah arqiika” (Dengan nama Allah aku meruqyahmu daripada segala sesuatu yang membuatkanmu rasa sakit, daripada kejahatan semua jiwa, atau `ain, atau orang yang hasad, Allah akan menyembuhkanmu, dengan nama Allah aku meruqyahmu). (Muslim, 1955 #2187)

Kejahatan yang manusia lakukan turut dipengaruhi oleh beberapa unsur lain iaitu bisikan syaitan, dorongan hawa nafsu ke arah kejahatan serta dorongan makhluk jin. Ruqyah Syar’iyyah dapat membantu manusia mengatasi ketiga-tiga unsur tersebut yang lazimnya menjerumuskan manusia ke arah mengabaikan perintah Allah dan melakukan laranganNya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa membaca ayat al-Quran, berdoa, berzikir dan melakukan amalan Ruqyah Syar’iyyah dapat memperkasakan elemen kerohanian manusia sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung (Mohd Amin, M., & Abidin, M. (2020), maka tidak hairan jika didapati terdapat teks daripada al-Quran dan hadis yang mendorong manusia untuk beramal dengan keempat-empat perkara tersebut dan ia dikategorikan sebagai ibadah yang sangat digalakkan di dalam Islam.

### Metode Kajian

Artikel ini adalah hasil kajian yang dijalankan secara kualitatif terhadap empat aspek berikut: (i) Latarbelakang asal usul dan pengarang kitab *Majmu’ Syarīf*; (ii) Bentuk amalan yang dapat memperkukuhkan aspek kerohanian berdasarkan kepada panduan Quran dan Sunnah; (iii) Bentuk amalan yang dapat memperkukuhkan aspek kerohanian di dalam kitab *Majmu’ Syarīf*, serta; (iv) Status hukum beramal dengan doa Kanz Al-‘Arsy dan doa Haikal menurut neraca syarak.

Kajian latar belakang dan asal usul kitab *Majmu’ Syarīf* dijalankan menggunakan metode kajian teks kepustakaan secara induktif dan deduktif. Seterusnya dalam penentuan amalan yang berkaitan dengan pengukuhan aspek kerohanian, analisis perbandingan di antara penjelasan teks Quran dan Sunnah dengan amalan yang terdapat di dalam Kitab *Majmu’ Syarīf* dijalankan. Penentuan status hukum beramal dengan doa Kanz Al-‘Arsy dan doa Haikal pula menggunakan metode perbandingan di antara neraca syarak dengan kandungan yang terdapat di dalam Kitab *Majmu’ Syarīf*. Metode takhrij hadis turut digunakan bagi mengenal pasti sumber asli sesuatu periwayatan hadis. Metode turut digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini.

### Latarbelakang Kitab Majmu’ Syarīf

*Majmu’ Syarīf* (t.t) adalah sebuah buku bersaiz kecil (sebesar tapak tangan) yang mengandungi sekitar 192 muka surat. Kitab kecil ini mudah didapati di kedai-kedai buku yang menjual kitab agama khususnya penjual kitab jawi. Kitab *Majmu’ Syarīf* ini merupakan himpunan ayat al-Quran, amalan bersempena, panduan urusan jenazah dan doa penting.

*Majmu’ Syarīf* kurang dikenali dalam kalangan generasi muda, namun begitu signifikan bagi sebahagian golongan tua pada hari ini. Ia tersebar di bumi Melayu meliputi Malaysia, Indonesia

dan Selatan Thailand. Seiring berjalannya masa, Masyarakat Melayu semakin meninggalkan amalan pembacaan kitab ini bahkan telah timbul beberapa keraguan dalam kalangan masyarakat terhadap kesahihan amalan yang terkandung di dalamnya. Sekalipun mendapat kritikan pelbagai pihak, namun kitab *Majmu' Syarīf* ini masih dianggap oleh sebahagian masyarakat muslim sebagai kitab yang bermanfaat dalam memperkasakan rohani.

Sungguhpun kitab ini agak popular pada suatu ketika dahulu, namun individu yang bertanggungjawab menyusun kitab ini masih menjadi misteri hingga ke hari ini. Naskhah kitab ini yang tersebar di pasaran tidak mencatatkan dengan jelas nama bagi pengarangnya. Bahkan, pada halaman pertama kitab ini hanya tertulis perkataan Arab

مجموع شريف - يحتوي على سور قرآنية وأدعية واستغفارات وتوجهات إلى الله عز وجل

Maksudnya: *Majmu' Syarīf* - terdiri daripada surah al-Quran, doa, istighfār dan panduan melakukan amal Ibadah (Majmū' Syarīf, t.th.)


Berdasarkan maklumat tersebut, ada kemungkinan bahawa kitab *Majmu' Syarīf* ini adalah hasil terjemahan kitab asal yang berasal dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu-Jawi. Ada juga kemungkinan kitab ini hasil ringkasan daripada buku amalan yang lain. Selain itu, kitab ini juga tidak mempunyai senarai rujukan penyusun. Keadaan ini menguatkan lagi teori bahawa kitab ini hasil terjemahan atau kutipan terpilih amalan yang diambil daripada kitab himpunan amalan yang lain. Namun pada pandangan Sa'id Muhammad Ismail al-Saawi kitab ini bukan hasil terjemahan daripada mana-mana kitab Arab yang lain (Muhammad Sharin, 2016).

Meskipun asal usul kitab ini masih menjadi misteri namun Muhammad Sharin Bin Sabtu (2016) berpendapat bahawa penyusun kitab ini berkemungkinan dari kalangan mereka yang dilahirkan di Nusantara serta berketurunan Melayu. Hal ini berdasarkan kepada gaya bahasa yang digunakan serta terjemahan perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi. Namun penyusun ini mempunyai latar belakang pendidikan Islam dan menguasai bahasa Arab bahkan mempunyai acuan seorang ulama yang menguasai ilmu agama Islam dan bahasa Arab.

Pandangan tersebut selari dengan pandangan Shamsul Bahri Andri Galigo dan Ahmad Fahmi Zamzam (Abu Ali al-Banjari) bahawa kitab ini adalah hasil susunan seorang guru di salah sebuah pesantren Darussalam di daerah Banjarmasin, Kalimantan Indonesia. Pesantren tersebut sudah tidak wujud lagi pada hari ini. Menurut beliau lagi, kitab ini menjadi amalan masyarakat setempat sekitar Darussalam sehingga ke hari ini. Menurut Abu Ali al-Banjari, bentuk tulisan yang diguna pakai dalam "*Majmu' Syarīf*" hanya boleh di dapati di dua daerah iaitu daerah Aceh dan Banjamasin. Menurutnya lagi kitab *Majmu' Syarīf* ini mirip dengan sebuah kitab lain yang berjudul "Arkan al-Kabir" (Perukunan Besar) karangan al-Syeikh Abd al-Rasyid al-Banjari (Rosmawati, 2005).

Hasil penelitian penulis terhadap salah satu manuskrip tulisan tangan yang disimpan oleh Rashid Bin Uthman (2005) di Bandar Aceh, didapati tercatat padanya beberapa nama berserta tarikhnya, sebagaimana berikut:

*"Hijrah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Seribu dua ratus tujuh puluh lima tahun, masa itulah zahir Ahmad anak Tengku Haji Pekan, pada tahun inilah, pada bulan rejab [sanah 1275H]*



Pewaris manuskrip ini menjelaskan bahawa manuskrip tersebut milik salah seorang murid kepada Syekh Abdurrauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili (1615-1693H) yang lebih dikenali di dalam bahasa Aceh dengan gelaran Teungku Syiah Kuala yang bererti Syekh Ulama di Kuala. Beliau merupakan tokoh ulama di Aceh yang terkenal pada pertengahan kurun ke 17 Masihi (Rashid Bin Uthman, 2005).

Catatan tarikh “Rejab 1275H” (bersamaan Mac 1859) tersebut berkemungkinan besar merujuk kepada tarikh lahir. Perkara seperti ini biasa terdapat di dalam manuskrip lama berikutan keterbatasan bahan penulisan pada waktu tersebut (Muhammad Zarif, M. M. 2022, June 22). Justeru dapat disimpulkan bahawa kitab *Majmu’ Syarif* ini telah wujud seawal tahun 1859 lagi.

Sekiranya nama kitab ini *Majmu’ Syarif* merujuk kepada golongan Syarif iaitu keturunan Al Bayt, mungkinkah boleh disandarkan kepada susuk golongan Syarif terkenal di Aceh pada ketika itu, iaitu Habib Abdurrahman al-Zahir (1873-1912)? Andaian ini memerlukan sokongan data yang lebih kukuh. Sekira benar andaian tersebut, ketiadaan nama pengarang bagi kitab ini mungkin disebabkan wujudnya konflik dalaman di antara masyarakat setempat dengan penyusun kitab ini yang pada asalnya ia diterima serta diamalkan oleh mereka sebelum berlakunya konflik yang mengundang kemarahan masyarakat setempat. Lantaran itu nama pengarang atau penyusunnya dibuang namun amalan yang tercatat di dalam kitab tersebut tetap diteruskan kerana ia sudah biasa diamalkan serta terbukti keberkesannya.

Berdasarkan kepada catatan sejarah Aceh, pada separuh kedua kurun ke 19 berlaku gerakan jihad penentangan rakyat Aceh terhadap Belanda, yang menyaksikan kemunculan beberapa tokoh pejuang yang terkenal dalam siri peperangan yang memakan masa selama 30 tahun. Salah seorang tokoh yang terkenal ialah Habib Abdurrahman al-Zahir sekitar tahun (1873-1912) berketurunan Syarif dari Hadramaut, Yaman. Di bawah pimpinannya masyarakat Aceh berjaya disatukan dalam melakukan penentangan terhadap Belanda yang sebelum itu saling mencurigai di antara satu sama lain. Namun akhirnya beliau dituduh sebagai pengkhianat yang ingin menjual Aceh kepada Belanda berikutan perundingan damai yang disusunnya bagi mengelakkan kehancuran Aceh yang lebih teruk di tangan tentera Belanda berikutan perpecahan barisan pejuang Aceh. Tindakan beliau dikritik hebat oleh panglima yang mengambil pendirian berlawanan dengan apa yang di sepakati sebelumnya bersama Habib Abdurrahman al-Zahir (Elson, R. E. 2006).

#### **Hubungan Kitab *Majmu’ Syarif* Dengan Amalan Kerohanian**

Meskipun maklumat di atas tidak dapat menentukan siapakah sebenarnya penyusun kitab *Majmu’ Syarif* ini, namun ianya dapat menggambarkan bahawa kitab kecil ini mempunyai



peranan besar dalam aspek pengukuhan kerohanian masyarakat Melayu dan diamalkan secara meluas di Nusantara.

Umumnya, kitab *Majmu' Syarif* merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan tiga perkara yang mempunyai kaitan dengan amalan yang dapat memperkukuhkan aspek kerohanian seseorang yang mengamalkannya, iaitu:

### **Ayat Al-Quran**

Pengarang bagi kitab *Majmu' Syarif* ini telah memasukkan di dalamnya ayat-ayat suci al-Quran yang terdiri daripada surah Yāsīn, surah al-Kahfi, surah al-Sajdah, surah al-Fath, surah ar-Rahmān, surah al-Waqi'ah, surah al-Mulk, surah Nūh, surah al-Muzzammil, dan surah al-Naba'. Selain itu terdapat juga ayat-ayat yang dinamakan sebagai ayat lima, yang terdiri daripada ayat 246 dari surah al-Baqarah, ayat 181 surah dari surah Āli-'Imrān, ayat 77 dari surah an-Nisā', ayat 27 dari surah al-Mā'idah, ayat 16 dari surah Ar-Ra'd. Begitu juga terdapat ayat-ayat yang dinamakan sebagai ayat tujuh yang terdiri daripada ayat 51 dari surah al-Taubah, ayat 107 dari surah Yūnus, ayat 6 dari surah Hūd, ayat 56 dari surah Hūd, ayat 60 dari surah al-Ankabūt, ayat 2 dari surah Fātir, dan ayat 38 dari surah al-Zumar.

### **Doa**

Di samping ayat-ayat al-Quran, di dalam kitab *Majmu' Syarif* juga terdapat doa-doa terpilih seperti doa Nisfu Sya'bān, doa yang khusus bagi mayat, doa Kanzul 'Arash, doa 'Ukasyah, doa Akhir Tahun, doa Awal Tahun, dan doa Haikal. Semua doa ini secara umumnya adalah doa-doa yang baik untuk diucapkan dan baik juga untuk dijadikan amalan harian dengan syarat dilakukan beberapa perubahan pada bahagian yang didapati kurang tepat dari sudut akidah.

### **Zikir**

Selain ayat-ayat al-Quran dan doa-doa terpilih, di dalam kitab tersebut juga terdapat zikir-zikir terpilih seperti Istighfar Rajab, bacaan Talqin, dan Tahlil. Zikir-zikir yang dimuatkan di dalam kitab ini secara umumnya dilihat dapat memberi kesan yang positif pada pembangunan rohani dan jiwa jika ia benar-benar dihayati dengan penuh penghayatan oleh para pembacanya.

### **Analisis Kandungan Doa Kanz Al-'Arsy Dan Doa Haikal**

Terdapat beberapa kajian telah dilakukan terhadap kandungan *Majmu' Syarif* sebelum ini berhubung kedudukan sanad dan matan hadis yang terdapat di dalam *Majmu' Syarif*, seperti yang dilakukan oleh Riski (2017), Muhammad Sharin Bin Sabtu (2016), Lili Suzana Binti Shamsu (2011). Namun tidak diketahui adanya kajian khusus dijalankan dalam peranan *Majmu' Syarif* dalam aspek pengukuhan rohani.

Meskipun *Majmu' Syarif* merupakan kitab yang meliputi ayat al-Quran, Doa, Zikir dan Selawat yang berperanan dalam pengukuhan rohani. Namun artikel ini hanya memfokuskan terhadap dua do'a sahaja dari keseluruhan kandungan kitab ini iaitu Doa Kanz al-'Arsy dan Doa Haikal.

### **Doa Kanz al-'Arsy**

Doa Kanz al-'Arsy merupakan sebuah doa yang dihimpunkan bersamanya 79 kali zikir ( لا إله إلا الله ) yang turut disertai dengan penyebutan nama-nama Allah dan gelaran bagi sebahagian para Rasul. Meskipun dikenal pasti bahawa lafaz zikir secara umumnya dapat berperanan dalam pengukuhan aspek rohani tanpa diragui sebagaimana dijelaskan melalui beberapa hadis sahih. Namun begitu berdasarkan penelitian ke atas doa Kanz al-'Arsy, pengkaji mendapati bahawa terdapat lafaz yang bermasalah di dalam doa tersebut iaitu: ( لا إله إلا الله سبحانه البرهان والسلطان )

Lafaz di atas padanya terdapat kalimah (البرهان) yang dinisbahkan kepada Allah sebagai namaNya. Namun perkataan *al-Burhān* bukanlah salah satu nama Allah yang disokong oleh ayat Quran dan hadith atau ijmak ulama. Bahkan perkataan *al-Burhān* mengandungi makna yang tidak layak untuk dinisbahkan sebagai nama Allāh. Perkataan *al-Burhān* di dalam bahasa Arab, bererti dalil (al-Fairūz Ābādīy, t.th., p. 1180), iaitu merujuk kepada perkara yang menjadi hujah ke atas sesuatu yang lain. Allāh bukan dalil sebaliknya Allāh adalah yang memiliki dalil atau yang mencipta dalil. Justeru, menisbahkan *al-Burhān* sebagai sifat Allah adalah tidak bersesuaian kerana sifat tersebut bukanlah sifat yang layak bagi Allah.

Demikian juga kalimah (السلطان), ianya tidak sesuai disifatkan sebagai salah satu sifat yang layak sebagai nama Allah. Perkataan *al-Sultān* di dalam bahasa Arab, secara umumnya mengandungi tiga maksud iaitu kekuasaan, dalil dan makna yang merujuk kepada gelaran bagi manusia (al-Fairūz Ābādīy, t.th., p. 671). Jika dengan pengertian ‘dalil’ maka ianya tidak bersesuaian untuk dinisbahkan sebagai nama bagi Allah sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Begitu juga perkataan *al-Sultān* dengan pengertian kekuasaan, kerana Allah juga bukan kekuasaan bahkan Allah adalah yang memiliki kekuasaan. Jauh sekali untuk disifatkan Allah dengan pengertian makhluk yang bergelar *al-Sultan* kerana tiada keraguan bahawasanya Allah adalah tuhan yang menciptakan sekalian makhluk termasuk manusia.

Tindakan menisbahkan sesuatu nama kepada Allah yang tidak sabit daripada al-Quran, hadith atau Ijmak adalah tidak dibenarkan di sisi para ulama, sebagaimana ditegaskan oleh al-Imām Abū al-Hasan al-Asy‘arīy (2016): (لا يجوز تسمية الله إلا بما ورد في الكتاب والسنة الصحيحة أو الإجماع) yang bermaksud: Tidak harus menamakan Allāh melainkan dengan apa yang warid daripada al-Quran dan Sunnah yang sahih atau Ijmak. Turut ditegaskan oleh al-Imām Abū Mansūr al-Baghdādīy (2002): (إنَّ مَأْخَذَ أَسمَاءِ اللَّهِ تَعَالَى التَّوْقِيفُ عَلَيْهَا؛ إِمَّا بِالْقُرْآنِ، وَإِمَّا بِالسُّنَّةِ الصَّحِيحَةِ، وَإِمَّا بِإِجْمَاعِ الْأُمَّةِ) (عليه، ولا يجوز إطلاق اسم عليه من طريق القياس) yang bermaksud: Tidak ada ruang bagi melakukan qias terhadap nama-nama Allāh bahkan hendaklah diraikan syarak padanya dan ia bersifat *tawqifiyyah*. Penyataan al-Imām al-Baghdādīy tersebut, iaitu “ia bersifat *tawqifiyyah*” jelas bahawa bahawa tidak harus menamakan Allah dengan nama yang tidak sabit sumbernya daripada nas syara’. Senada dengan *al-Imām al-Asy‘arīy* dan *al-Imām al-Baghdādīy* adalah *al-Imām Abū Bakr al-Bāqilānīy* yang mana beliau telah menegaskan suatu kaedah yang perlu dituruti dalam penentuan nama bagi Allah, kata beliau: (ما أطلق الله على نفسه أطلقناه عليه وما لم يطلقه (على نفسه لا نُطَلِّقه عليه) yang bermaksud: “Apa yang Allah ta‘ala namakan DiriNya maka kita menamakanNya dengannya dan apa yang Allah tidak namakan DiriNya dengannya maka kita tidak menamakanNya dengannya” (al-Qādīy, 2014).

Justeru, tidak harus menamakan Allah dengan (البرهان) dan (السلطان) kerana tidak sabit daripada al-Quran, hadith atau Ijma’, apatah lagi ia tidak membawa makna pujian ke atas Allah bahkan ia memberi makna yang sebaliknya. Namun tiada ditegah sekiranya dinamakan Allah sebagai (ذو البرهان) atau (ذو السلطان) yang bermaksud “Yang Memiliki dalil” dan “Yang Memiliki kekuasaan”. Ini kerana makna kedua-duanya selari dengan petunjuk nas syarak. Maka sekiranya lafaz zikir tersebut ditambah padanya kalimah (ذو), menjadi (سبحان ذي البرهان والسلطان) yang maknanya adalah “Maha Suci Yang Memiliki bukti dan Yang Memiliki kekuasaan”, justeru tidak menimbulkan isu kerana lafaz sedemikian mengandungi makna pujian kepada Allah.

## Doa Haikal

Doa ini dimulakan dengan “Isnad Doa Haikal”. Iaitu:

*“Bahawasanya, adalah diriwayatkan oleh Rasulullah ﷺ, pada suatu hari sedang Baginda duduk di dalam masjid Madinah, maka Jibril A.S pun datang membawa Firman. Ujarnya - Ya Rasulullah, salam Allah Ta'ala pada Tuan Hamba dan Firman-Nya "Hai Kekasihku, adapun Doa Haikal iaini tujuh doa ini dihantarkan Tuhan pada Tuan Hamba maka barang sesiapa tiada percaya akan doa ini kafirlah ia dan barang siapa membaca doa atau menyimpannya maka Allah ﷻ melepaskan dia dan ibu bapanya daripada api neraka. Ya Muhammad, barang siapa menaruh doa ini di dalam rumahnya maka tiada boleh masuk jin dan syaitan ke dalam rumahnya itu. Ya Muhammad, barang siapa suratkan doa ini dan dipakai perbuat tangkal nescaya terlepaslah ia daripada azab sengsara dan wabak, dan duduk di dalam aman, dan lagi barang siapa menaruh doa ini sentiasalah ia dihormati orang dan termulialah ia pada orang ramai, dan ketika hendak mati pun tiadalah ia merasai azab sakaratul maut itu maka dengan mudah sahaja nyawa itu keluar, sebagai pula barang siapa membaca doa ini tiap-tiap hari dan jika tiada boleh membaca diperbuatnya azimat nescaya beroleh pahala umpama membaca tujuh puluh ribu (70,000) kali khatam Al-Quran dan tujuh puluh ribu mati syahid dan tujuh puluh ribu kali naik haji dan mendapat kebajikan seumpama membuat tujuh puluh ribu masjid dan seperti merdekakan tujuh puluh ribu hamba dan seperti menjamu tujuh puluh ribu orang berbuka puasa, dan mendapat pahala tujuh puluh ribu orang hafaz Al-Quran, dan beroleh kebajikan kemenangan tujuh puluh ribu orang perang syahid dan pahala tujuh puluh ribu alam dan tujuh puluh ribu abad dan tujuh puluh ribu Malaikat, dan tujuh puluh ribu orang yang berakal dan tujuh puluh ribu Nabi dan kebajikan, dan beroleh kekayaan dan kebesaran Jibril, Mikail, Israfil dan 'Izra'il Alaihissalam. Ya Muhammad, barang siapa menaruh maka dengan berkatnya terlepaslah ia daripada segala orang yang membuat fitnah dan luputlah ia daripada sekalian bala dan jika ada ia berhutang nescaya terlepaslah ia daripada hutangnya itu dan segala musuhnya pun binasalah. Diriwayatkan pada suatu ketika dahulu ada seorang terkena tohmah (fitnah) mencuri di negeri Baghdad, maka dia dibawa menghadap hakim negeri tersebut, kemudian dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya, maka dipancung oleh tukang pembunuh tiada terluka, diselamkan ia di dalam air tidak pula lemas, kemudian dibakar pula tidak terbakar. Maka apabila dilihat oleh hakim akan hal yang demikian lalu ditanya oleh hakim apalah jua amalanmu yang suatu perkara pun tiada boleh memberi cedera kepadamu, maka jawab orang yang tertuduh itu, "Ada di kepala hamba fadhilat Doa Haikal maka oleh berkat doa itu suatu perkara pun tidak boleh mengenai hamba dan suatu bala pun tiada dapat menghampiri hamba". Maka apabila mendengarnya, hakim tersebut pun membawa orang itu menghadap raja, serta dipersembhkannya sekalian hal yang berlaku, lalu dikurniakan oleh baginda beberapa banyak harta dan dibebaskan dia, dan Doa Haikal itu pun disalin dan ditaruh padanya. Adapun khasiat Doa Haikal ini terlalu banyak, sekadar diambil ringkasnya sahaja di sini, sesungguhnya tiadalah syak lagi. tiada percaya doa ini nescaya menjadi kafir “Na'udhu billah mi suu' al-i'tiqad” (Majmū' Syarīf, p. 174)*

Penulis cuba menelusuri riwayat atau isناد yang dimaksudkan di atas tetapi tidak berjaya menemui sumbernya. Berdasarkan ciri-ciri yang terkandung di dalam teks di atas terdapat beberapa unsur berlebih-lebihan bahkan tidak selari dengan petunjuk syarak seperti kenyataan padanya yang menyebutkan “*barang siapa yang tiada percaya doa ini nescaya menjadi kafir*”.

Periwayatan dengan unsur yang sedemikian iaitu berlebih-lebihan serta tidak selari dengan petunjuk syarak merupakan antara ciri-ciri riwayat palsu (*al-‘Asqalānīy*, 2011). Justeru pada hemat penulis, riwayat tersebut wajar ditiadakan di dalam cetakan yang baru. Penulis juga berpendapat bahawa Doa Haikal ini bukan kandungan asal Majmu<sup>c</sup> Syarif, tetapi tambahan yang dilakukan kemudian. Majmu<sup>c</sup> Syarif yang asal berakhir hingga halaman 173, iaitu setelah doa awal tahu. Pandangan tersebut berdasarkan catatan “*tamma Majmu’ Syarif bi ‘aunillah ta’āla*” (Majmu’ Syarif, 173) bermaksud: *telah sempurna "Majmu’ Syarif" dengan pertolongan Allah Ta’āla*.

Kandungan doa haikal ini adalah seperti berikut:

Haikal 1	<p>أعيد نفسي بالله العلي العظيم ((الله لا إله إلا هو الحي القيوم لا تأخذه سنة ولا نوم له ما في السماوات وما في الأرض من ذا الذي يشفع عنده إلا بإذنه يعلم ما بين أيديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشيء من علمه إلا بما شاء وسع كرسيه السماوات والأرض ولا يؤوده حفظهما وهو العلي العظيم)) (Surah al-Baqarah: 255)</p>
Haikal 2	<p>أعيد نفسي بالله العلي العظيم - ((إذ قالت امرأة عمران رب إني نذرت لك ما في بطني محررا فتقبل مني إنك أنت السميع العليم)) (Surah Āli ‘Imrān: 35) - ((سنة من قد أرسلنا قبلك من رسلنا ولا نجد لسنتنا تحويلا أقم الصلاة لذلوك الشمس إلى غسق الليل وقرآن الفجر إن قرآن الفجر كان مشهودا (*)) ومن الليل فتعجده به نافلة لك عسى أن يبعثك ربك مقاما محمودا (*)) (Surah al Isra’77-80) وأخرجني مخرج صدق واجعل لي من لدنك سلطانا نصيرا))</p>
Haikal 3	<p>أعيد نفسي بالله العلي العظيم - ((إيمان الرسول بما أنزل إليه من ربه والمؤمنون كل آمن بالله وملائكته وكتبه ورسله لا تفرق بين أحد من رسله وقالوا سمعنا وأطعنا غفرانك ربنا وإليك المصير (*)) لا يكلف الله نفسا إلا وُسْعَهَا لها ما كسبت وعليها ما اكتسبت ربنا لا تؤاخذنا إن نسينا أو أخطأنا ربنا ولا تحمل علينا إصرا كما حملته على الذين من قبلنا ربنا ولا تحملنا ما لا طاقة لنا به واعف عنا واغفر لنا وارحمنا أنت مولانا فانصرنا على القوم الكافرين)) (Surah al-Baqarah: 285-286)</p>
Haikal 4	<p>أعيد نفسي بالله العلي العظيم - ((وقل جاء الحق وزهق الباطل إن الباطل كان زهوقا (*)) وننزل من القرآن ما هو شفاء ورحمة للمؤمنين ولا يزيد الظالمين إلا خسارا (*)) وإذا أنعمنا على الإنسان أعرض ونأى بجانبه وإذا مسه الشر كان يئوسا (*)) قل كل يعمل على شاكلته فربكم أعلم بمن هو أهدى سبيلا (*)) ويسألونك عن الروح قل الروح من أمر ربي وما أوتيتم من العلم إلا قليلا)) (Surah al-Isrā’: 81-85)</p>
Haikal 5	<p>أعيد نفسي بالله العلي العظيم - قال رب إني وهن العظم مني واشتعل الرأس شيبا ولم أكن بدعائك رب شقيا (*)) وإني خفت الموالى من ورائي وكانت امرأتي عاقرا فهب لي من لدنك وليا (*)) يرثني ويرث من آل يعقوب واجعله رب رضيا - (Surah Maryam: 3-6) لقد صدق الله رسوله الرؤيا بالحق لتدخلن</p>

	<p>الْمَسْجِدَ الْحَرَامِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا (Surah al-Fath: 27)</p>
Haikal 6	<p>أَعِذْ نَفْسِي بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ - قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا (*) يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ وَلَنْ نُشْرِكَ بِرَبِّنَا أَحَدًا (*) وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدُّ رَبِّنَا مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا (*) وَأَنَّهُ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى اللَّهِ شَطَطًا (Surah al-Jin: 1-4)</p>
Haikal 7	<p>أَعِذْ نَفْسِي بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ - وَإِنْ يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَارِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ لَمَجْنُونٌ (*) وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ. (Surah al-Qalam 51-52)</p>

Berdasarkan Doa Haikal di atas, didapati bahawa doa ini merupakan beberapa petikan ayat al-Quran dari pelbagai surah daripada al-Quran. Beramal dengan doa yang berasal daripada ayat Quran adalah dibenarkan oleh syarak selagi mana tidak mengandungi perkara yang menyalahi asas dalam kaedah syarak (al-Sa'di, 2002). Sehubungan itu, pihak JAKIM melalui ruangan soal jawab agama [Panel(fs)061207], tidak menghalang pengamalan doa Haikal ini kerana tidak bercanggah dengan syarak (JAKIM, 2007).

### Kesimpulan

Berdasarkan penelitian pengkaji ke atas Majmu' Syarif, pengkaji mendapati bahawa ia merupakan suatu kitab yang mengandungi pelbagai amalan bacaan yang terdiri daripada ayat al-Quran, doa dan zikir. Amalan ayat Quran, Zikir dan Doa yang merupakan antara amalan yang dapat memperkukuhkan aspek rohani. Meskipun demikian kitab ini tidak sunyi daripada kritikan ke atas sebahagian daripada isi kandungannya antaranya ialah Doa Kanz al-Arsy dan Doa Haikal yang menjadi fokus penelitian pengkaji dalam artikel ini. Pengkaji mendapati tiada sebarang masalah pada lafaz Doa Kanz al-'Arsy melainkan pada satu petikan doa ( لا إله إلا الله ) (سبحان ذي البرهان والسلطان). Demikian juga Doa haikal, tiada masalah pada lafaz doanya namun kelebihan doa tersebut yang dinyatakan dalam kitab ini adalah berlebihan bahkan tidak selari dengan petunjuk nas syarak. Doa Haikal ini dan fadilat mengamalkannya adalah perkara yang ditambah kepada kitab asal Majmu' Syarif. Kajian ini mencadangkan agar perkara yang didapati bercanggah dengan syarak sebagaimana yang telah dijelaskan dikeluarkan daripada Majmu' Syarif. Melalui perubahan ini, membolehkan Doa Kanz al'Arsy dan Doa Haikal diamalkan tanpa menimbulkan keraguan dan pertikaian serta selamat daripada perkara yang bercanggah dengan syarak. Selain itu, kajian ini juga turut menyarankan agar kajian lanjut wajar dilaksanakan ke atas kandungan Majmu' Syarif selebihnya sebagai usaha dalam memastikan amalan masyarakat Islam berpandukan kitab Majmu' Syarif selari dengan syarak.

### Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2019/SSI03/USIM/02/4 yang bertajuk Model Baharu Terapi Psiko Spiritual Berasaskan Quran Dan Hadis Dalam Rawatan Pemulihan Trans-wanita (Transgender) dan mendapat pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pasukan menyelidik mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusat Penyelidikan, Persidangan dan Inovasi USIM di atas ruang dan peluang penyelidikan yang diberikan.

## Rujukan

- al-'Asqalāniy, Ibn Hajar. (2011). *Syarh Nuzhah al-Nazar fi Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikr fi Mustalah Ahli al-Athār*. Riyadh: Dar al-Ma'thur.
- al-Asy'ari, Abu al-Hasan. (2016). *Kitāb al-Luma' fi al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Kahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath
- al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir b. Tahir. (2002). *Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bukhārīy, Muhammad bin Ismā'il. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy*. Mesir: As-Sultoniah.
- al-Fairūz Ābādīy, Muhammad bin Ya'qub. (t. th.). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Bairūt: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Qāḍīy, Samir b. Sami. (2014). *Nur al-Sirat al-Mustaqim*. Beirut: Syarikat Dar al-Masyari'a.
- al-Sa'di, Abd al-Malik, *Salah Fahan Terhadap Bida'ah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man. 176.
- Amri, S., Salaeh, A., Amin, M. Z. M., Adawiyah, R., & Yahya, M. (2019). The Role of Former Drug Abuser in the Management of Drug Treatment Center Using Psycho Spiritual Therapy in Malaysia and South Thailand: A Comparative Study. *International Journal of Asian Social Science*, 9(1), 106–113. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2019.91.106.113>
- Arip, N. 'Afif., & Mohd Amin, M. Z. (2022). Terapi Air Dingin Sebagai Ikhtiar Penyembuhan Masalah Kerohanian Menurut Perspektif Sunnah, Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah, 18(2), 34-56. <https://doi.org/10.33102/jmq.v18i2.359>
- Constitution of the World Health Organization. (2005). World Health Organization: Basic documents. 45th ed. Geneva: World Health Organization.
- Elson, R. E. (2006). *An Indonesian frontier: Acehnese and other histories of Sumatra*. Australian Journal of Politics And History, 52(2), 343-344. doi: 10.1111/j.1467-8497.2005.00421.x
- Emi Syviana binti Mohd Zaid. (2019). Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan Dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, v.2, 76.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). Ruangan soal jawab agama, 16 Dis 2007. *Majmu' Syarif*. (t.t.). Pulau Pinang: Maktabah wa Maṭbaah Dār al-Maārif.
- Mohd Amin, M., & Abidin, M. (2020). Peran Ruqyah Syar'iyah dalam Terapi Psikospiritual: Analisis terhadap Model Pengobatan Kecanduan Narkoba. *ESOTERIK*, 6(1), 74-89. doi:http://dx.doi.org/10.21043/esoterik.v6i1.6445
- Muhammad 'Aliy al-Ḥasan. (2000). *Al-Manār fi 'Ulūm al-Qurān maa Madkhal fi Uṣūl al-Tafsīr wa Maṣādirihī*. Beirut: Muassat al-Risālah.
- Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazāliy. (1994). *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, vol. 3. Beirut: Dār al-Khair.
- Muhammad Sharin Sabtu. (2016). *al-Ahadith wa al-Athar al-Waridah fi kitab Majmu' Sharif: jam'atan wa Dirasatan*. Tesis Siswazah, Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei.
- Muhammad Zarif, M. M. (2022, June 22). Manuskrip Majmu' Sharif Aceh. personal.
- Muslim bin al-Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bairūt: Dār al-Ihya' al-Turath al-'Arabīy.
- Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ri. (2019). "Pendekatan Psikoterapi Islam Dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik". *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 1-34.
- Qurrotul Aien bt Fatah Yasin. (2012). "Mukjizat Wuduk Ke atas Rohani dan Jasmani Manusia". *International Journal on Quranic Research*, 2(2), 67-83.
- Rosmawati, Dahari. (2005). *Majmu' Sharif: Dirasah wa Takhrij*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Riski. (2017). *Studi Sanad dan Matan Hadith Dalam Majmu' Syarif*. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Zainal Abidin, M. S. A. ., M. Amin, M. Z. ., Salaeh, A. ., W. Yusoff, W. F. Z. ., & Fa'atin, S. . (2022). The Practice of Islamic Psychospiritual Therapy in the Treatment of Drug

Addiction at Rehabilitation Centres in Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 24(2), 143–168. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol24no2.4>